

17/07/2002

Web lucah: Pekerja awam kena tindakan (HL)

Misiah Taib

PUTRAJAYA, Selasa - Kakitangan awam yang didapati melayari laman web lucah di pejabat akan dikenakan tindakan kerana cuai dan menggunakan waktu bekerja untuk perkara tidak berfaedah.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata memang ada peruntukan dalam Perintah Am untuk tindakan diambil bagi kesalahan seperti itu dan bentuk tindakan bergantung kepada keadaan.

Katanya, tindakan ke atas kakitangan terbabit sama ada dipecat, digantung kerja atau diberi amaran, bergantung kepada bentuk kesalahan yang mereka dilakukan.

"Saya tak dapat nak mengatakan bahawa kakitangan terbabit mesti dibuang kerja. Ia bergantung kepada banyak fakta. Kita akan kenakan amaran terlebih dulu dan tindakan seterusnya bergantung kepada keadaan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyaksikan persembahan Modul Sakinah di Auditorium Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini, hari ini.

Sabtu lalu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan dilaporkan berkata, pekerja yang melayari laman web lucah ketika bertugas boleh dipecat serta merta kerana menyalahgunakan kemudahan syarikat.

Katanya, peralatan pejabat harus digunakan untuk kegiatan syarikat dan kerana itu, pekerja yang didapati menyalahgunakan perlu dikenakan tindakan tegas.

Sebelum itu, satu rencana dalam BBC News menyebut, satu tinjauan di United Kingdom mendapati, satu pertiga daripada syarikat di negara itu memecat pekerja mereka kerana menyalahgunakan Internet yang mana 69 peratus ialah pekerja yang melayari web lucah dan 40 peratus hasil aduan rakan setugas.

Bagi kakitangan awam di negara ini, Samsudin bagaimanapun berkata, beliau belum menerima sebarang laporan mengenai pekerja kerajaan yang melayari laman web lucah ketika di pejabat.

"Saya jangka memang sukar untuk mereka nak melayari laman web yang bukan-bukan kerana sistem di kebanyakan jabatan kerajaan agak terbuka, maknanya dapat dilihat oleh orang lain. Jadi susahlah sedikit mereka nak melayari laman web seperti itu.

"Apa pun, jika ada kakitangan awam melakukan perbuatan itu, mereka akan dikenakan tindakan kerana cuai dan menggunakan waktu bekerja dengan perkara yang tidak memberi faedah," katanya.

Mengenai kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB), beliau berkata perkara itu hanya boleh diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mana saya boleh beritahu. Anda terpaksa tunggu sehingga Perdana Menteri meluluskan dan mengumumkannya. Minta maaf," katanya.

Presiden Gabungan Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, yang turut dihubungi juga enggan mengulas mengenai perkara itu dan berkata biarlah Perdana Menteri yang mengumumkannya.

Sementara itu, persembahan Modul Sakinah selama lebih dua jam itu dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Sakinah bermaksud ketenangan dalam bahasa Arab dan persembahannya dibuat menerusi tiga cara iaitu ceramah, lakonan dan tayangan gambar.

Sepuluh modul dipersembahkan bermula dari akad nikah; persediaan

keibubapaan; pra keibubapaan hamil; asuhan, bimbingan dan pendidikan bayi-7 tahun; asuhan, bimbingan dan pendidikan kanak-kanak mumayyiz hingga baligh; alam remaja 15 hingga 21 tahun; alam dewasa 21 hingga 40 tahun; alam matang 40 hingga 55 tahun; alam emas 55 tahun ke atas dan husnul khatimah.

Samsudin berkata, program berkenaan adalah salah satu usaha penerapan nilai Islam dan nilai murni dalam perkhidmatan awam.

Ia bertujuan membentuk akhlak, budi pekerti dan penghayatan nilai baik, supaya pegawai serta kakitangan awam dapat menumpukan perhatian kepada tugas dan tanggungjawab serta melihat tugas sebagai ibadat untuk mendapat keredaan Allah.

"Dengan penghayatan nilai baik kita berharap tidak ada penyelewengan, sikap malas bekerja dan sebagainya di kalangan pegawai serta kakitangan awam," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memberi kebebasan kepada ketua jabatan untuk mengadakan program dan penerapan nilai Islam dalam jabatan masing-masing.

Mereka diberi tanggungjawab untuk melaksanakannya dan terpulang sama ada ia melalui ceramah, seminar atau program seperti itu.

Terdahulu, Timbalan ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Muhammad Mohd Noor, berkata modul itu bertujuan menonjol peranan institusi keluarga sebagai tempat paling sesuai untuk ahlinya menjalani kehidupan paling tenang, selesa dan harmoni, demi melahirkan generasi berbudi pekerti mulia, berhemah tinggi dan berwawasan.